

**MH370: Tanya CIA Dan Boeing, Jangan Salahkan MAS - Dr M
mStarOnline
18 Mei, 2014**

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Ahad mencadangkan supaya Boeing dan Agensi Perisikan Pusat (CIA) dipersoalkan di atas kehilangan pesawat MH370.

"Seseorang menyembunyikan sesuatu. Ia tidak adil kerana Penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysia yang dipersalahkan," kata Mahathir dalam blognya Chedet.cc.

Dalam perenggan ke-11, Dr Mahathir menyatakan pandangan dan teori kepada keadaan dan menegaskan bahawa sesuatu yang lain timbul dan media tidak akan menyiarkan apa-apa mengenai Boeing atau CIA.

"Mereka boleh mendarat dengan selamat atau mereka mungkin kemalangan, tetapi kapal terbang tidak boleh hilang. Lebih-lebih lagi hari ini sistem komunikasi berkuasa yang beroperasi hampir dalam tempoh yang lama dan mempunyai kapasiti simpanan yang besar," jelasnya.

Beliau percaya sistem pengesanan pada pesawat itu sengaja dilumpuhkan dan mempersoalkan di mana data pesawat, yang sepatutnya dirakamkan oleh satelit.

"MH370 adalah pesawat Boeing 777. Ia dibina dan dilengkapi komunikasi dan peralatan GPS telah dipasang oleh Boeing.

"Jika mereka gagal atau dilumpuhkan, Boeing perlu tahu bagaimana ia boleh berlaku dan sudah tentu Boeing akan memastikan mereka tidak boleh dilumpuhkan dengan mudah kerana melibatkan keselamatan dan operasi kapal terbang," katanya.

Beliau menambah bahawa pada 2006, Boeing menerima sistem data milik Amerika Syarikat untuk satu sistem apabila diaktifkan mampu mengawal semua kawalan dari juruterbang untuk kembali sebuah pesawat komersial secara automatik ke lokasi pendaratan yang telah ditetapkan.

Beliau menyebut satu rencana oleh John Croft dalam *Flightglobal.com* pada 1 Disember 2006 yang menyatakan bahawa 'autopilot akan diaktifkan - sama ada oleh juruterbang, pemerhati lembaga atau melalui radio mahupun satelit yang berkaitan dengan agensi-

agensi kerajaan seperti Agensi Perisikan Pusat, jika penganas cuba untuk mengawal penerbangan.

"Jelas sekali Boeing dan agensi-agensi tertentu mempunyai keupayaan untuk mengambil alih 'kawalan tidak terganggu' daripada penerbangan komersial yang mana salah satunya adalah MH370," kata Mahathir.

Mahathir berkata, percubaan untuk mengesan kapal terbang dengan mencari serpihan dan minyak licin adalah satu pembaziran wang, sambil menambah bahawa ini bukanlah satu kemalangan biasa dan yang pesawat itu di suatu tempat, mungkin tanpa penanda MAS.

"Boeing perlu menjelaskan mengenai apa yang dipanggil anti keganasan sistem auto ini.

"Saya tidak boleh bayangkan juruterbang membuat pendaratan 'lembut' di laut bergelora dan kemudian secara perlahan-lahan lemas dengan pesawat," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/05/18/tun-m/>